

10 OCT 1996

Mahathir-Tangis

MAHATHIR MENANGIS KETIKA MENAMATKAN UCAPAN

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menahan sebak lalu menangis di hujung ucapan perasmianya pada Perhimpunan Agung Umno yang tertumpu kepada mengimbau anggota parti menolak politik wang dan membersihkan kembali corak pemilihan pemimpin.

Presiden Umno bagaimanapun menabahkan hatinya dan meneruskan ucapan beliau hingga selesai dalam keadaan nada tersekat-sekat menahan kepiluan hati yang nampaknya tercuit dengan kebimbangan beliau terhadap kesan politik wang.

Pada ketika itu, para perwakilan bangun dan bertepuk tangan untuk memberi sokongan moral kepada Perdana Menteri, malahan kelihatan banyak daripada kalangan mereka turut menangis.

Mereka melaungkan beberapa kali "Hidup Mahathir" sambil terus bertepuk.

Beberapa orang wartawan yang menyaksikan ucapan Dr Mahathir melalui televisyen tertutup di ruangan media turut terharu dan menangis.

Perdana Menteri tidak dapat menahan perasaannya semasa beliau menyeru anggota Umno "Sayanglah parti, sayanglah bangsa, sayanglah agama dan sayanglah negara."

"Saya berdoa semua yang akan mengundi pada hari ini mengundi dengan hati yang bersih dengan mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala," katanya.

Dr Mahathir berkata insyAllah dengan berbuat demikian Umno akan terpelihara dan perjuangannya untuk agama, bangsa dan negara akan terselamat untuk menegakkan tamadun Melayu dan Islam abad ke-21.

Dengan itu, akan "tertebuslah maruah bangsa," katanya mengakhiri ucapannya yang disiarkan secara langsung melalui TV1 yang mengambil masa satu jam 25 minit.

Dr Mahathir kelihatan mula diselubungi rasa sedih semasa menyebut "ayat keramat" yang sama dengan sajak tulisan beliau iaitu "Perjuangan kita belum selesai."

Sajak itu pertama kali beliau deklamasikan sendiri pada majlis meraikan ulangtahun ke-15 beliau menjadi Perdana Menteri baru-baru ini.

Katanya, masih banyak yang perlu diperjuangkan dan diusahakan oleh orang Melayu terutamanya anggota Umno sebelum mereka dapat menjadi bangsa yang maju dan dihormati dunia.

Orang Melayu mempunyai bakat dan kebolehan dan tanda-tanda sudah menunjukkan orang Melayu menunjukkan kemampuan untuk mencapai matlamat perjuangan mereka, katanya.

Oleh yang demikian, dalam keadaan ini, beliau mengingatkan anggota Umno "Jangan gadai masa depan kita. Jangan gadai budaya dan tamadun baru yang akan kita bentuk hanya kerana sedikit keuntungan di hari ini."

Dr Mahathir berkata beliau merasa sedih kerana terpaksa mendedahkan keburukan yang melanda parti dan terpaksa membuat rayuan kepada anggota Umno supaya menolak politik wang.

"Tetapi saya percaya benar-benar akan malapetaka yang akan menimpa kita jika kita tidak menolak mereka yang menyogok kita," katanya. -- BERNAMA

NZ ZKS AKD